

## BAB IV

### ANALISIS TEKS HIKAYAT BAHRAM SYAH

#### **4.1 Pengenalan**

Bab ini akan memperkata dan memperlihatkan keistimewaan serta keunikan yang terdapat dalam HBS. Perbincangan akan menyentuh tentang unsur-unsur Islam, ciri-ciri lipur lara, unsur-unsur pengajaran dan episod-episod yang mempunyai persamaan dengan cerita-cerita lain. Aspek tema dan persoalan-persoalan sampingan serta bahasa juga akan disentuh dengan lebih dekat.

HBS dipilih untuk kajian kerana teks ini belum pernah ditransliterasi dan dikaji oleh mana-mana pengkaji. Selain itu salinan teks dalam apa bentuk sekalipun tidak terdapat di mana-mana perpustakaan di Malaysia kecuali di DBP, tempat pengkaji mendapatkan bahan.

#### **4.2 HBS Sebagai Karya Sastera Hikayat**

Karya sastera hikayat ialah cerita-cerita dalam bentuk bertulis yang menggunakan bahasa Melayu lama dengan langgam bahasa dan struktur tertentu. Seterusnya membawa cerita ajaib yang berunsur hiburan, hasil daripada imaginasi dan fantasi pengarangnya. Ceritanya berkisar di istana dengan watak-watak utama yang terdiri daripada putera dan puteri raja. Menurut Emeis, hikayat-hikayat ini adalah lanjutan daripada cerita-cerita LL yang diperkaya dengan jalinan unsur-unsur cerita asing (Emeis 1952 : 92). Selain itu, bahasa yang digunakan panjang-panjang dan meleret-leret tetapi mempunyai unsur keindahan yang tersendiri. Pengulangan juga merupakan satu daripada ciri dalam gaya penulisannya. Dengan itu, dapat dikatakan bahawa genre hikayat merujuk kepada karya-

karya berbentuk cerita, kisah atau naratif yang bersifat hiburan dan didaktik serta lahir sebagai sastera tertulis iaitu tradisi tulisan.

Dari segi kepengarangannya, menurut Za'ba, hasil karya sastera hikayat dikarang pada akhir abad ke-19 (Zainal Abidin 1962 : 144). Tempoh ini sebenarnya dikaitkan dengan penggunaan alat percetakan. Akan tetapi, dalam perkembangan sastera Melayu, mulai abad ke-10 hingga ke-16 karya hikayat sudah ada. Karya-karya ini bertulis tangan menggunakan tulisan Jawi dan dalam lingkungan edaran yang terhad.

Sastera hikayat yang merupakan kesusasteraan bertulis ini, tidak seperti cerita-cerita LL yang berkembang dalam bentuk lisan. Walaupun berlainan dari segi penyampaianya, namun hasil-hasil sastera hikayat masih memperlihatkan persamaan dalam struktur ceritanya dengan cerita-cerita LL. Pada beberapa tempat, gaya bahasa dalam sastera hikayat menunjukkan adanya pengaruh tradisi lisan dan gaya pertuturan semasa hikayat itu ditulis.

Karya sastera hikayat ini merupakan penceran daripada pengaruh asing sama ada Arab, Parsi atau India ke atas kesusasteraan Melayu tradisional. Apabila kita berhadapan dengan sebuah hikayat seperti HBS ini, tidak dapat tidak kita akan bersua dengan sifat-sifat penulisan atau penceritaan genre kesusasteraan hikayat yang umum. Sifat-sifat tersebut akan diperlihatkan dalam bab IV dan V kajian ini.

#### **4.3 Tema dan Persoalan-persoalan Sampingan**

Keseluruhan HBS berkisar tentang pengembaraan yang memaparkan pengalaman pahit dan manis yang dilalui oleh Bahram Syah, watak wira dalam cerita ini. Dalam HBS, burung Merah Jalin telah menjadi faktor penolak yang menyebabkan wira keluar

mengembara. Halangan dan ujian yang dilalui di sepanjang pengembaraan telah membuatkan wira bertemu dengan watak-watak lain. Sementara itu dalam masa yang sama, jalinan peristiwa menjadi bercapah dengan persoalan-persoalan sampingan. Cerita terus berkembang dan watak-watak barupun muncul dengan peranan masing-masing. Dalam proses inilah besar kemungkinan berlaku tokok-tambah yang menyebabkan terdapat episod tertentu yang mempunyai persamaan dengan cerita-cerita lain.

Selain itu, persoalan-persoalan sampingan yang berperanan mengembangkan cerita, berkisar tentang persoalan-persoalan yang berkaitan dengan sikap dan sifat-sifat yang lumrah terdapat di kalangan manusia sejak zaman berzaman. Antara lain ialah tentang sifat hasad-dengki, tamak, tidak jujur dan mementing diri sendiri. Semua sifat ini diperlihatkan melalui watak-watak yang bertentangan dengan wira.

Persoalan-persoalan yang berkaitan dengan sifat sabar, berhati-hati, tidak lalai dan jujur, dipancarkan melalui tindak-tanduk wira. Juga melalui peristiwa-peristiwa yang mengandungi maksud tersirat. Oleh itu, jika disusuri keseluruhan HBS ini, maka tema dan persoalan-persoalan sampingan yang dipaparkan bertujuan menyampaikan unsur-unsur pengajaran dengan cara yang sederhana tetapi menarik.

#### 4.4 Bahasa

Bahasa yang digunakan dalam HBS ini terikat dengan gaya bahasa prosa klasik. Struktur ayatnya panjang-panjang. Oleh itu, pembaca harus peka dan teliti mencari hentian sementara serta noktah, supaya maksud yang hendak disampaikan dapat difahami dengan jelas.

Selain itu, hikayat yang pada suatu ketika dahulu disampaikan secara lisan, besar kemungkinan disampaikan oleh tukang-tukang cerita yang bergerak dari satu tempat ke satu tempat lain. Oleh yang demikian, dalam proses bercerita berlakulah pengubahsuaian di sana sini dan akhirnya membuatkan cerita ini mengandungi pelbagai kata daripada masyarakat penutur dari tempat-tempat yang berbeza. Contohnya, HBS menggunakan perkataan 'mingkin' yang sama erti dengan 'makin'. Dan 'mingkin' merupakan kata yang terdapat dalam dialek Jakarta. HBS juga ada menggunakan perkataan 'tembun' yang digunakan oleh penutur-penutur di Kedah. Contoh lain ialah penggunaan perkataan 'salang yang bermaksud 'sedangkan' iaitu kata yang terdapat dalam dialek yang dituturkan oleh masyarakat Melayu Minangkabau di Sumatera.

Pendek kata, keseluruhan bahasa yang digunakan dalam HBS merupakan asimilasi unsur-unsur daripada pelbagai dialek di rantau ini.

#### **4.5 Episod yang mempunyai persamaan dengan cerita-cerita lain**

- Dalam HBS terdapat episod wira bersahabat dengan watak-watak binatang yang terdiri daripada kucing, anjing dan tikus. Ketika mula-mula ditemui, semua binatang ini dalam keadaan daif. Akan tetapi setelah wira memelihara dan memberi makan secukupnya, binatang-binatang itupun sihat semula. Akhirnya binatang-binatang itu telah berusaha membala budi baik tuan mereka dengan mencuri semula cincin sakti wira yang diambil oleh Turani.

Episod ini didapati mempunya persamaan dengan 'Cerita Si kulup Hendakkan Adik' yang berasal dari Perak, 'Anak Tukang Kayu' dari Afghanistan dan 'Mak Si Miskin' dari Kedah. Persamaan dan perbezaan antara episod-episod ini dalam cerita-cerita di atas akan diperlihatkan dengan jelas dalam Bab V.

#### **4.6 Unsur-unsur Lipur Lara dalam HBS**

##### **4.6.1 Struktur/Plot Cerita**

Dari segi struktur cerita, plot cerita dalam HBS mendekati struktur cerita-cerita LL iaitu mempunyai permulaan, pertengahan dan kesudahan yang menggembirakan. akan tetapi HBS memperlihatkan sedikit kelainan kerana cerita ini mempunyai banyak puncak dan wira terpaksa memulakan pengembaraan lain setelah tujuan pertama tercapai.

Dalam bahagian permulaan, HBS menceritakan tentang sebuah negeri dan pemerintahnya iaitu Negeri Padang Silalatan dengan rajanya Sultan Maharaja Besar yang mempunyai tiga orang putera bernama Gha'syah, 'Asyah dan Bahram Syah. Suatu malam sultan bermimpi tentang burung Merah Jalin yang sakti lalu dinyatakan kepada anak-anaknya. Peristiwa ini menjadi faktor penolak yang mendorong wira keluar mengembara. Dari sini cerita berkembang ke bahagian pertengahan. Bahagian ini memaparkan tentang cabaran-cabaran serta pelbagai ujian yang terpaksa ditempuh oleh wira dalam usahanya mencari burung Merah Jalin. Proses perkembangan cerita berlaku di tahap ini kerana disinilah wira bertembung dengan watak-watak lain lalu mencetuskan pula persoalan-persoalan selanjutnya.

#### 4.6.2 Latar Tempat

Latar dalam kebanyakan karya Sastera Hikayat bukan dari dunia Melayu tetapi dari daerah Timur Tengah, Parsi dan India. Bagi genre LL atau Sastera Rakyat menampilkan nama-nama tempat yang lebih dekat dengan unsur-unsur tempatan. Sementara itu, terdapat pula nama-nama yang bersifat Melayu tetapi tidak wujud pada realitinya. Nama-nama tempat itu dicipta oleh pengarang untuk disesuaikan dengan suasana.

Berdasarkan kenyataan ini didapati terdapat campur-aduk latar dalam HBS, yakni ada unsur Timur Tengah, tempatan, ciptaan, Hindu dan Hindu-Islam di dalamnya. Contohnya, Negeri Gustu Gusta yang tidak dapat dipastikan realitinya. Tempat-tempat lain ialah seperti Negeri Padang Silalatan, Olak Pasir Teluk Embun, Taman Ghairat dan Pauh kembal. Walaupun nama tempat-tempat ini lebih dekat dengan unsur tempatan tetapi realitinya tidak dapat dipastikan.

#### 4.6.3 Watak dan Perwatakan

##### 4.6.3.1 Watak Wira dan Wirawati

Watak wira dalam HBS tidak digambarkan secara keterlaluan seperti dalam cerita LL. Dalam konteks ini, wira digambarkan mempunyai perawakan yang lebih tampan daripada saudara-saudaranya. Wira lebih dikasihi kerana sifat dan keperibadian yang mulia. Sifat mulia yang dimilikinya tidak dihuraikan oleh pengarang tetapi dapat diselusuri

melalui tindak-tanduknya sepanjang perjalanan cerita. Pembaca/pendengar yang akan membuat penilaian dan banding beza perwatakan wira dengan saudara-saudaranya. Secara tidak langsung dalam proses penceritaan, pendengar dilatih/diajar menguasai kemahiran mendengar dan berfikir serta seterusnya membuat penilaian.

Contohnya, dalam peristiwa membangunkan sultan yang terus-terusan tidur tanpa mahu makan dan minum. Dua orang saudara wira gagal membangunkan sultan tetapi wira berjaya berbuat demikian. Berikut ialah sedutan kata-kata pujukan yang digunakan oleh mereka:

Maka Gha'syah pun pergilah. Maka sembahnya, "Ya Tuanku, adapun segala raja-raja, menteri sekarang telah ternanti-nanti di pengadapan, menantikan Duli Tuanku, hendak minta hukum kerana menjadi susahlah pekerjaan negeri ini jikalau tiada Tuanku menghabiskan dia, bukankah nama Tuanku juga yang jadi yang sia-sia kepada negeri yang lain-lain".

Maka 'Asyah pun menyembah. Demikian sembahnya,"Mengapa juga Tuanku beradu, tiada makan dan minum kerana segala penghulu, menteri, raja-raja telah hadir sekarang, hendak mengadap Seri Paduka ayahanda sebab kerana pekerjaan dalam negeri sangatlah susahnya, akhirnya ayahanda juga yang beroleh kehinaan".

Maka sembah Bahram Syah, "Ya Tuanku, apa yang Tuanku masyghulkan, kerana segala menteri rapat sekarang, hendak mengadap Seri Paduka ayahanda, meminta hukum soal bantahan. Segala hulubalang dan segala penghulu sembahnya, Seri Paduka ayahanda juga seboleh-bolehnya hendaklah Seri Paduka ayahanda memutuskan jua sekarang hukum sekalian mereka itu, supaya makmur dan sempurna kebajikan nama Duli Paduka ayahanda di dunia akhirat. Kiranya jikalau ada maksud ayahanda yang ayahanda percintakan ini bukankah ada kami bertiga bersaudara, kerana sudah payahlah ayahanda memelihara akan kami siang dan malam dari kecil sampailah besar. Sekarang apatah gunanya kami ini, bukankah menolong yang kesusahan pada ayahanda dan mencari yang tiada kepada ayahanda. Dan tiada terbalas oleh kami kasih ayahanda itu, melainkan Allah Subhanahu Wa Ta'ala juga kiranya membalasi!".

Berdasarkan sedutan di atas ternyata pilihan dan susunan kata dalam pujujan Bahram Syah begitu sopan dan dapat menambat hati ayahnya. Inilah kelebihan yang dimiliki oleh Bahram Syah.

Contoh kedua ialah tentang sifat sabar dan memaafkan kezaliman yang dilakukan ke atasnya. Ini dapat dilihat dalam peristiwa wira memaafkan kedua-dua saudaranya yang telah menganiayanya. Dalam peristiwa ini Gha'syah dan'Asyah telah menolak Bahram Syah ke dalam perigi lalu membawa burung Merah Jalin pulang ke istana.

Watak wirawati dalam HBS juga tidak digambarkan seperti wirawati dalam cerita LL. Dalam HBS, Puteri Ambaru Ambara dapat dianggap sebagai wirawati kerana dia adalah yang memiliki burung Merah Jalin yang menjadi faktor penolak kepada wira untuk mengembara. Wirawati tidak mengalami banyak cabaran. Keistimewaananya cuma memiliki burung yang ajaib itu sahaja. Walau bagaimanapun wataknya tetap penting kerana burung miliknyalah yang menjadi hala tuju pengembaraan wira.

#### **4.6.3.2 Watak Pembantu**

Dalam HBS terdapat watak-watak pembantu yang terdiri daripada manusia biasa, jin dan binatang. Watak-watak seperti Selamat, Nenek Kebayan, garuda, kucing, anjing dan tikus serta Puteri Andam Dewi merupakan watak-watak yang memainkan peranan membantu wira mencapai hasratnya.

#### **4.6.3.3 Unsur Kesaktian**

Benda-benda seperti cincin, gemala ratna suri dan rambut Raja Jin merupakan benda-benda sakti yang membantu wira mengatasi segala cabaran dan ujian yang dilaluinya.

#### **4.6.4 Mimpi**

Mimpi bukan sahaja menjadi faktor penolak bagi satu-satu siri pengembalaan, tetapi juga merupakan sumber sesuatu alamat kepada wira. Contohnya, Bahram Syah bermimpi didatangi oleh ayah dan ayah angkatnya. Mimpi ini seolah-olah sumber inspirasi dan peringatan kepada wira di samping meringankan kesengsaraannya yang dialaminya.

#### **4.6.5 Penyamaran**

Unsur ini sering terdapat dalam cerita-cerita LL dan Panji. Dalam HBS terdapat unsur penyamaran iaitu ketika wira hendak mendapatkan burung Merah Jalin dan waktu hendak pulang ke istana setelah dia dianiaya oleh abang-abangnya. Dalam

cerita ini tidak dinyatakan dengan jelas mengapa wira menyamar. Namun begitu besar kemungkinan inilah satu teknik menarik untuk menimbulkan rasa ingin tahu di kalangan pendengar. Besar kemungkinan juga melalui penyamaran wira dapat terus bertemu dengan Puteri Ambaru Ambara dan lebih cepat hasratnya tercapai. Walau bagaimanapun, di sebalik penyamaran itu, dia masih dapat dikenali sebagai seorang yang berbangsa. Pengenalan itu sudah tentu melalui sifat dan kesopanan yang dimilikinya. Dalam peristiwa ini Bahram Syah menyamar sebagai seorang hamba yang menjual bunga dan dapat masuk ke istana Puteri Ambaru Ambara bersama Nenek Kebayan.

Dalam peristiwa kedua, wira menyamar sebagai seorang Haji Arab dan pergi ke istana ayahnya. Kehadirannya membuatkan Puteri Andam Dewi dan burung Merah Jalin seolah-olah hendak berkata-kata setelah sekian lama membisu. Penyamaran ini besar kemungkinan untuk membuktikan kebenaran di pihak wira. Teknik ini juga telah menggugat kesabaran pendengar untuk mengetahui bagaimana kebenaran didedahkan.

#### 4.6.6 Kesudahan yang menggembirakan

Setelah berjaya mengatasi segala rintangan dan memperoleh apa yang dicari, wira berkahwin dan bertemu semula dengan keluarganya serta hidup bahagia. Di sini jangka hayat wira dari mula keluar mengembara hingga kembali semula ke negerinya tidak di ambil kira, kerana apa yang penting ialah ceritanya.

#### **4.7 Unsur-unsur Islam dalam HBS**

Walupun plot HBS mendekati struktur cerita LL, namun banyak terdapat unsur-unsur Islam yang dapat membuktikan bahawa masyarakat zaman cerita ini berlaku, sudah kuat pegangan Islamnya. Pengakuan dan keyakinan terhadap kekuasaan Allah SWT terdapat di sepanjang perjalanan cerita ini. Contohnya, dalam halaman 9, 10, 11, 12, 13, 31, 40, 54, 55 dan 72. Dalam halaman-halaman ini diperlihatkan pengakuan dan keyakinan bahawa apa sahaja boleh berlaku dengan izin dan kehendak-Nya. Hakikat ini memang tidak dapat disangkal kerana dalam Surah Yasin, ayat 82 ada menyebut yang bermaksud: 'Sesungguhnya keadaan kekuasaan-Nya, apabila menghendaki sesuatu hanyalah berfirman ; "Jadilah" Maka terjadilah ia.'

##### **4.7.1 Perkataan -perkataan tertentu**

Dalam HBS terdapat perkataan seperti kiamat, malak al-maut dan Sirat al-Muntaha yang memang terdapat dalam Al-Qur'an serta boleh diperinci pengertiannya.

##### **4.7.2 Kebolehan haiwan berkata-kata**

- Kebolehan garuda dan watak-watak haiwan lain berkata-kata, bukan merupakan sesuatu yang luar biasa kerana dalam Al-Qur'an ada menyebut bahawa suatu ketika dahulu, di zaman Nabi Sulaiman, memang binatang boleh berkata-kata. Dan Nabi Sulaiman telah dikurniakan Allah SWT kebolehan untuk memahami apa yang diperkatakan oleh binatang (Surah al-Naml : 15-19).

#### 4.7.3 Penganiayaan terhadap saudara sendiri

Sesungguhnya peristiwa penganiayaan terhadap saudara sendiri telah wujud sejak zaman Nabi Adam lagi. Peristiwa Qabil membunuh Habil merupakan penganiayaan dan pembunuhan pertama dalam sejarah manusia. Demikian juga dengan peristiwa Nabi Yusuf yang telah dianiaya oleh saudara-saudaranya. Tanpa rasa belas kasihan dia telah ditolak ke dalam sumur.

Dalam HBS peristiwa Bahram Syah dianiaya oleh abang-abangnya mempunyai persamaan dengan peristiwa di atas. Demi untuk kepentingan diri sendiri, saudara-saudara Bahram Syah tergamac menolaknya ke dalam perigi dan pulang ke istana bersama burung yang dicitakan oleh ayah mereka itu.

Peristiwa ini dipaparkan untuk memperlihatkan betapa manusia memperhambakan diri kepada nafsu hasad-dengki, tamak dan mementingkan diri sendiri sehingga tergelincir daripada landasan perikemanusiaan serta keimanan.

#### 4.7.4 Mimpi

- Mimpi yang dialami oleh seseorang tidak bercanggah dengan fahaman Islam. Cuma waktu dan keadaan tertentu yang akan menentukan sama ada mimpi itu benar-benar memberi alamat serta tidak dipengaruhi oleh mainan Iblis. Contohnya, orang yang bermimpi itu tidur dalam wudu'. Malah ada amalan yang menyarankan supaya seseorang itu bersembahyang Istiharah dalam usaha untuk membuat keputusan atau sesuatu pilihan. Alamatnya akan diilhamkan melalui mimpi. Keadaan begini berlaku terhadap Bahram Syah. Kali pertama dia

bermimpi didatangi oleh ayahnya, mengingatkan dia supaya jangan lalai. Kali kedua dia bermimpi didatangi oleh ayah angkatnya, memberitahu bahawa dalam perut ayam yang dijualnya itu ada sebentuk cincin sakti. Kali ketiga dia bermimpi didatangi oleh ayahnya, memberitahunya tentang pelanduk yang dicarinya, tentang anak isterinya,dan tentang cincinnya yang dicuri oleh Turani. Alamat melalui mimpi ini bukan sahaja sebagai satu pesanan tetapi juga sebagai petunjuk kepada seseorang tentang masa depan.

#### 4.7.5 Maksud Tersirat

Di samping unsur-unsur di atas, dalam HBS terdapat satu episod perjalanan Bahram Syah yang memperlihatkan tentang kebesaran dan kekuasaan Allah SWT. Dalam episod ini, Bahram Syah telah bertemu sepohon limau yang berbuah hanya sebiji sahaja. Buah limau itu pula hanya empat ulas sahaja dan setiap ulas mempunyai rasa yang berlainan. Selepas itu dia bertemu perigi tiga sederet. Perigi yang di tengah tidak berair, perigi yang di kiri dan kanan banyak airnya. Apabila kedua-dua perigi itu melimpahkan airnya maka perigi yang di tengah itupun beroleh air. Kemudian Bahram Syah diperlihatkan sekumpulan orang yang menggali lurah lalu tanahnya ditambun ke atas bukit. Seterusnya dia melihat sebuah kubangan yang berombak-ombak. Apabila ombaknya memecah maka kedengaranlah bunyi yang kuat seperti taufan. Dalam perjalanan seterusnya dia sampai di suatu padang rumput yang luas dan subur tetapi anehnya kerbau-kerbau di situ kurus-kurus belaka. Sejurus kemudian dia tiba pula di suatu padang yang tidak seberapa rumputnya tetapi kerbau-kerbau di situ

kelihatan gemuk-gemuk pula. Kemudian Bahram Syah telah berselisih dengan seorang perempuan cantik. Mereka masing-masing berkeinginan untuk bertegur sapa tetapi oleh sebab di bendung perasaan malu maka mereka saling mendiamkan diri dan terus berlalu. Akhir sekali Bahram Syah bertemu Malak al-maut yang tidak lepas-lepas pandangannya ke arah Sidrat al-Muntaha.

Jika disimpulkan, semua peristiwa yang diperlihatkan kepada Bahram Syah itu mengandungi maksud yang dalam dan merupakan pengajaran kepada manusia. Segala yang diperlihatkan ini merupakan suatu peringatan terhadap umat Islam supaya memilih jalan yang benar dan meninggalkan segala yang ditegah.

#### **4.8 Unsur-unsur Pengajaran dalam HBS**

Tidak dapat dinafikan bahawa selain menjadi unsur hiburan, cerita-cerita yang dihasilkan oleh masyarakat dalam zaman tertentu bertujuan menerapkan nilai-nilai murni kepada ahlinya. Demikian juga HBS begitu banyak memaparkan unsur-unsur pengajaran sama ada secara langsung atau tidak langsung.

Dalam HBS, selain dipancang dalam jalinan peristiwa, terdapat satu siri pengajaran yang dipaparkan dengan cara yang agak unik. Siri pengajaran ini dapat dihayati dalam episod pengembalaan wira.

##### **4.8.1 Siri Pengajaran**

4.8.1.1 Bahram Syah bertemu sepohon limau manis yang berbuah hanya sebiji saja. Buah limau itu hanya empat ulas. Setiap ulas mempunyai rasa yang

berlainan iaitu masam, pahit, manis dan lemak. Melalui monolog dalaman Bahram Syah, maksud tersirat di sebalik rasa limau itu ialah bahawa setiap pekerjaan yang dilakukan terpaksa menempuh kesukaran terlebih dahulu, sebelum hasil atau kejayaannya dapat dikecapi.

4.8.1.2 Bahram Syah bertemu perigi tiga sederet. Perigi yang di tengah tidak berair. Perigi yang di kiri dan kanan banyak airnya. Apabila kedua-dua perigi itu melimpahkan airnya maka perigi yang di tengah itupun beroleh air. Di sini perigi yang di tengah itu ibarat orang miskin, apabila ada orang kaya yang pemurah (perigi di kiri dan kanan), maka dia akan beroleh rezeki. Kesimpulannya, orang yang berada patut mempunyai sifat pemurah dan sentiasa bersedia membantu golongan yang memerlukan pertolongan.

4.8.1.3 Bahram Syah bertemu sekumpulan orang yang sedang menggali lurah dan tanahnya ditambun ke atas bukit. Apabila ditanya, orang-orang itu menyatakan bahawa beginilah pekerjaan mereka sehingga hari kiamat. Ini sebagai balasan kerana mereka telah menderhaka kepada ibu dan bapa.

4.8.1.4 Bahram Syah sampai di suatu kubangan yang berombak-ombak seperti laut. Apabila ombaknya memecah, kedengaranlah bunyi seperti taufan. Keadaan ini memang pelik, tetapi jika Allah hendak memperlihatkan

sesuatu kepada manusia, semuanya dapat dilihat. Begitu juga dengan perkara-perkara aneh yang lain kerana Allah itu maha berkuasa.

4.8.1.5 Bahram Syah sampai di suatu padang rumput yang luas dan subur, tetapi kerbau-kerbau di situ kurus-kurus belaka. Sedangkan kebiasaannya, jika makanan banyak sudah tentu kerbaunya gemuk-gemuk. Melalui monolog dalaman Bahram Syah, didapati keadaan terjadi demikian kerbau-kerbau itu lalai dan asyik bermain-main sahaja, tidak sedar hari sudah petang dan sudah sampai waktu untuk masuk ke kandang. Begitulah amalan kerbau-kerbau itu setiap hari. Demikianlah ibaratnya rakyat yang hidup dalam negara yang makmur dengan sumber alam, jika tidak rajin berusaha, sudah tentu kehidupan mereka tidak senang.

4.8.1.6 Bahram Syah tiba pula di suatu padang yang rumputnya tidak seberapa tetapi kerbau-kerbau di situ gemuk-gemuk belaka. Maksud tersiratnya ialah jika tekun berusaha walaupun sumbernya sedikit, dapat diambil sepenuhnya dan hasilnya menguntungkan.

4.8.1.7 Seterusnya Bahram Syah berselisih dengan seorang perempuan yang cantik. Mereka masing-masing ingin bertegur sapa, tetapi oleh sebab ada perasaan malu, mereka pun diam dan masing-masing meneruskan perjalanan. Perasaan malu bertempat, penting kepada seseorang kerana

perasaan ini dapat membendung diri daripada melakukan perbuatan sumbang yang bertentangan dengan agama serta adat.

4.8.1.8 Akhirnya, Bahram Syah bertemu dengan Malak al-maut yang sedang memandang ke arah Sirat al-Muntaha. Walaupun bercakap-cakap dengan Bahram Syah, Malak al-maut tidak lalai walau sedikit pun terhadap kewajipannya.

#### 4.8.1.9 Rumusan

Siri peristiwa yang diperlihatkan kepada Bahram Syah ini mengandungi maksud tersirat yang disuratkan pengertiannya melalui monolog dalamannya. Daripada monolog dalaman tersebut, dapatlah difahami maknanya dan dikaitkan pula dengan kehidupan sebenar. Peristiwa-peristiwa itu mengandungi nilai-nilai murni sejagat seperti sifat sabar, pemurah, taat, yakin, tekun, malu bertempat, bertanggungjawab dan amanah.

Seterusnya, peristiwa yang diperlihatkan ini merupakan suatu pengajaran dan pedoman kepada Bahram Syah yang sedang mengembara mencari burung Merah Jalin. Di sini besar kemungkinan burung itu hanya sebagai satu ibarat atau simbol untuk menguji keikhlasan dan ketaatan Bahram Syah sebagai seorang anak terhadap ayahnya. Juga untuk menguji sejauh mana ketabahan dan ketaqwaannya terhadap Allah apabila berhadapan dengan pelbagai rintangan. Setiap kali berhadapan dengan peristiwa-peristiwa aneh, Bahram Syah berfikir dan mengaitkannya dengan tujuannya

mengembara. Peristiwa-peristiwa itu telah memberi kekuatan dan keyakinan kepadanya kerana dia percaya bahawa dia akan beroleh kejayaan jika Allah mengizinkannya.

#### **4.8.2 Sifat-sifat Negatif**

##### **4.8.2.1 Berjudi**

HBS juga memaparkan perbuatan dan sifat-sifat negatif yang meninggalkan kesan buruk terhadap seseorang. Contohnya, akibat buruk yang menimpa saudara-saudara Bahram Syah. Gha'syah dan 'Asyah yang berharta telah menjadi papa dan terpaksa menjadi hamba kerana lalai serta asyik berjudi sahaja. Sesungguhnya berjudi bukan sahaja boleh menyebabkan seseorang itu menjadi papa, malah berjudi yang menjadi tegahan dalam Islam boleh mendorong manusia melakukan perbuatan-perbuatan mungkar yang lain. Jika di dunia kepalaan sebagai balasan, di akhirat kelak ada pula hukuman tertentu yang lebih berat menanti.

##### **4.8.2.2 Mementingkan Diri Sendiri**

Sifat mementingkan diri sendiri dapat dilihat dalam episod Bahram Syah dan saudara-saudaranya memilih jalan untuk menuju ke negeri Gustu Gusta. Gha'syah dan 'Asyah ternyata memilih jalan yang menjanjikan keselamatan kepada mereka. Mereka tidak sanggup menempuh rintangan dan bersusah-payah tetapi mahu diakui sebagai anak yang berjasa, dengan membawa pulang burung Merah Jalin. Lantaran itu, mereka tergamak menganiaya saudara kandung sendiri. Oleh itu, tanpa

perikemanusiaan mereka telah menolak Bahram Syah ke dalam perigi. Mereka lupa bahawa Allah maha berkuasa dan sentiasa berpihak kepada kebenaran. Buktinya, Bahram Syah tetap selamat dan beroleh kejayaan serta kemenangan. Malah Bahram Syah memperlihatkan sifat beralah dan sabar serta sedia memaafkan saudara-saudaranya.

#### 4.8.2.3 Hasad-dengki

Penganiayaan segala raja, menteri dan penghulu di negeri Gustu Gusta yang berupa percubaan menghalang perkahwinan Bahram Syah dengan Puteri Ambaru Ambara juga tidak berhasil. Di sini ternyata Allah tidak mengizinkan berlakunya penganiayaan terhadap orang yang tidak berdosa. Walaupun Bahram Syah menggunakan cincin sakti tetapi masih tetap, dengan kehendak dan izin Allah maka segalanya dapat disempurnakannya. Bahram Syah sendiripun mengakui hakikat ini.

Rumusannya dalam HBS terdapat episod wira bersahabat dengan binatang seperti anjing, kucing dan tikus. Wira tidak memandang hina atau menganiaya binatang-binatang itu, walaupun waktu ditemui, binatang-binatang itu dalam keadaan daif. Binatang-binatang itu pula, walaupun tidak berakal seperti manusia, tetapi tahu mengenang dan membala budi. Tujuan peristiwa ini dipaparkan tidak lain untuk menyatakan bahawa kadang kala binatang jauh lebih daripada manusia dalam setengah-

setengah hal. Selain itu, ingin dinyatakan kepada manusia bahawa mereka yang merupakan sebaik-baik kejadian Allah, patut berkelakuan seperti yang telah ditetapkan. Apabila manusia berkelakuan tidak baik taraf mereka akan lebih rendah daripada haiwan. Di sini, sifat-sifat dengki, tamak, lalai, kedekut dan terburu-buru akan mendorong manusia melakukan perbuatan-perbuatan terkutuk yang dilarang oleh agama.

#### 4.9 Kesimpulan

Sesungguhnya, walaupun HBS banyak memaparkan unsur fantasi, tetapi nilai-nilai yang berlandaskan ajaran Islam yang dipancang dalam setiap episod telah mengukuhkan hikayat ini sebagai sumber pengajaran kepada masyarakat. Pendengar/pembaca diajak berfikir dan menilai maksud yang tersirat. Seterusnya, diharapkan mereka dapat membuat penilaian untuk menyaring unsur mana patut diteladani dan yang mana pula patut dijauhi, berdasarkan akibat-akibat atau balasan-balasan yang diterima oleh watak-watak dalam cerita ini.